


SIRI APRESIASI SASTERAWAN NEGARA



SASTERAWAN NEGARA
**ABDULLAH
HUSSAIN**

IMAM



NUHA BOOKS



YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



Abdullah Hussain dilahirkan pada 25 Mac 1920 di Sungai Limau Dalam, Yan, Kedah Darul Aman. Beliau pernah menjadi wartawan surat khabar Merdeka, Berita Indonesia dan majalah mingguan Merdeka. Beliau juga pernah bertugas sebagai pengarang majalah Bintang dan Filem selain pernah menjadi pengurus penerbitan di majalah Gelanggang Filem. Dalam filem Hang Tuah, beliau menyumbang khidmat sebagai penasihat teknikal. Dari tahun 1961 sehingga 1964, beliau telah berkhidmat sebagai pembantu pengarang kanan di *Oxford University Press* dan pernah berkhidmat di *Franklin Books Programme* selain memegang jawatan editor di majalah Angkatan Baru sekitar tahun 1965-1968.

Selama 10 tahun mulai tahun 1968, beliau telah berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai Pegawai Penyelidik dan sebagai Ketua Unit Bahasa dan Sastera di DBP Cawangan Sabah. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat di Universiti Sains Malaysia dan di DBP Brunei. Bermula 1993, beliau menjadi Karyawan Tamu DBP sehingga tahun 1996.

Abdullah Hussain dinobatkan sebagai Sasterawan Negara (SN) yang kelapan pada tahun 1996. Pada tahun yang sama, beliau dianugerahi Darjah Kebesaran Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Dato' dan juga Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk oleh Yang di-Pertuan Agong. Selain penganugerahan SN, beliau juga merupakan penerima anugerah S.E.A Write Award pada tahun 1981 dan Pingat Jasa Hukom Ngon Adat Lembaga Kebudayaan Aceh (LAKA) pada tahun 1995.

Sepanjang penglibatan beliau dalam penulisan kreatif, Sasterawan Negara ini telah menghasilkan 25 buah novel, tiga buah kumpulan cerpen, sembilan buah buku terjemahan sastera, sebuah autobiografi dan enam buah biografi. Antara novel beliau ialah *Interlok*, *Konserto Terakhir*, *Lutan*, *Rantau Selamat* dan *Inuan*. Novel *Inuan* telah diangkat sebagai pemenang Hadiah Sastera Malaysia 1994/95 dan tempat pertama dalam Hadiah Novel Nasional 1992/94.

Sasterawan Negara Datuk Abdullah Hussain meninggal dunia pada 31 Disember 2014.



NUHA BOOKS

12/1/2025
TOM
Gift

SIRI APRESIASI SASTERAWAN NEGARA

Yang A. Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin
Mohammad

Yang A. Berbahagia Tun Hasmeah bt. Hj.

IMAM salah satu karya Mohd Ali.
agung Datuk Abdullah Hussain yang
telah di filemkan oleh sutradara
Mior Hasrum Mahap pd. th 2023.

IMAM

**NASKHAH SUMBANGAN
NUHA CREATIVE RESOURCES
(NUHA BOOKS)**

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

Petunjuk Membaca Tun

Yang Ikhlas.

(Siti Saroja bt. Saroj
Saroja)

isteri almarhum Datuk
Abdullah Hussain

16/12/25



SIRI APRESIASI SASTERAWAN NEGARA



Tanchariku



SASTERAWAN NEGARA
**ABDULLAH
HUSSAIN**

IMAM

SIRI APRESIASI SASTERAWAN NEGARA




1014082



NUHABOOKS

2023



Novel **IMAM** – ini diterbitkan oleh Nuha Creative Resources dengan keizinan bertulis dan rundingan royalti serta perjanjian pelesenan daripada pentadbir hak cipta karya-karya Sasterawan Negara Abdullah Hussain – **Cahaya Bintang Kecil Sdn. Bhd.**

Diterbitkan oleh:
Unit Penerbitan
NUHA CREATIVE RESOURCES
(SA0502593-H)
B21-3A Jalan TKS 1
Taman Kajang Sentral
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan.

Tel: +6017-565 5656
Emel: nuhakreatif@gmail.com

Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia
(MABOPA)
No. Ahli: 202009

Cetakan Pertama 1995 – Utusan
Publications & Distributors Sdn Bhd

Cetakan Pertama - Nuha Creative
Resources (2023)

Cetakan Pertama: Februari 2023

Penerbitan © Nuha Creative Resources
Teks © Abdullah Hussain

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Penerbit - Nuha Creative Resources, B21-3A Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

IMAM:
/Penulis: **Abdullah Hussain**

ISBN: 978-967-2456-551 (Kulit Nipis)
ISBN: 978-967-2456-650 (Kulit Keras)
Abdullah Hussain, 1920

1. Malay Fiction
I Abdullah Hussain (1920)
899.2333

Konsep & Editor Perunding
Mohamed Nasser Mohamed

Editor
MK Riza

Penyemak Prof
Rosman Md Shah

Reka bentuk kulit & Teks
Hairul Sahak (Tiram Studio & Design)

Pengarah Penerbitan
Nurul Iman Nuha Mohamed Nasser

Dicetak di Malaysia oleh
Firdaus Press Sdn Bhd
Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan.

899.2333

HADIAH NOVEL NASIONAL merupakan kesinambungan tradisi Utusan Publications & Distributors bersama-sama Utusan Melayu – Public Bank yang prihatin terhadap pembangunan sastera tanah air. Sayembara ini ditaja sebagai mengenang jasa tokoh penulis yang telah berjuang bersenjatakan ketajaman mata pena demi kemajuan negara dan jagat raya. Selumayan hadiahnya sayembara ini berhasrat menampilkan karya-karya terunggul dan mutakhir.

Novel ini telah memenangi hadiah pertama
HADIAH NOVEL NASIONAL

**UTUSAN MELAYU @ PUBLIC BANK UTUSAN
PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD
1992/94**

sempena mengenang Allahyarham Pak Sako

SETITIS KATA

Perjalanan panjang novel *Imam* karya Sasterawan Negara Datuk Abdullah Hussain melangkaui tiga dekad, tidak terhenti sebatas naskhah yang dicetak di atas lembaran kertas. Naskhah ini hidup meniti zamannya dengan kekentalan sisi berani yang ironis dan sinis serta membuka ruang-ruang pentafsiran yang luas dalam menjalani kehidupan beragama.

Saya percaya, naskhah hebat dan malar segar ini wajar diangkat seluas-luasnya agar manfaatnya menjadi santapan minda masyarakat untuk lebih mendalami sisi falsafah ke arah kehidupan yang lebih baik. ‘Banyak jalan ke syurga’ – zaman dan teknologi terkini bukanlah musuh dan asbab untuk kita tidak melakukan kebaikan.

Paparan watak Imam Mihad misalnya, memberikan persona baharu terhadap soal beradaptasi dengan zaman tanpa melanggar garis merah yang ditetapkan oleh Islam. Islam tidak menghalang pembaharuan selagi tidak bertentangan dengan syariat yang telah ditetapkan.

Daripada suatu sisi, kritik dan saran yang dibawa oleh SN Abdullah Hussain ini menjadi butir-butir mutiara yang berkilauan – perenungan yang mendalam kepada institusi masyarakat hari ini. Novel *Imam*, seharusnya menjadi bahan bacaan dan telahan yang wajar dimiliki oleh segenap lapisan masyarakat pembaca.

Pujian harus diberikan kepada Nuha Creative Resources (Nuha Books), kerana berani dan sentiasa menggerakkan usaha untuk mengangkat karya-karya besar Sasterawan Negara ke tengah-tengah masyarakat pembaca. Selepas kejayaan menerbitkan *Salina*, karya besar Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said, kini Nuha Books mengangkat pula *Imam* karya Sasterawan Negara kelapan, Datuk Abdullah Hussain.

Melakukan kerja penting seperti ini menuntut pengorbanan masa, tenaga dan belanja yang besar. Menyediakan bahan-bahan bacaan berkualiti seperti *Imam* ini, sudah tentu menjadi perkiraan dasar yang telah diperhitungkan oleh penerbit demi memastikan pembaca menatap bahan bacaan yang sarat dengan ilmu.

Saya percaya dan yakin, usaha yang berterusan seperti ini memartabatkan karya-karya Sasterawan Negara, telah meletakkan nilai karya itu sendiri pada tempat yang sewajarnya. Semoga Nuha Books akan terus konsisten membawa karya-karya besar Sasterawan Negara kepada khalayak umum.

Selamat membaca dan selamat menikmati dunia kepengarangan Sasterawan Negara Abdullah Hussain.

MOHD KHAIR NGADIRON

Urusetia Tetap

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM)

NOTA PENERBIT

“Kita bersolat hanya kerana pengaruh kebiasaan, pengaruh keadaan dan pengaruh tradisi. Sebab itu solat kita pada masa kanak-kanak, remaja, dewasa sama saja lalai”

Alhamdulillah. Selepas berjaya menerbitkan novel *Salina*, *Hujan Pagi* dan *Langit Petang* karya Sasterawan Negara Datuk Seri (Dr) A Samad Said, kami mendapat banyak permintaan untuk menerbitkan karya oleh Sasterawan Negara yang lain.

Novel *Imam*, nukilan Sasterawan Negara ini dipilih kerana novel besar dan penting ini tidak lagi diterbitkan selepas hampir tiga dekad. Kami berasa amat bertuah dengan amanah yang diberikan oleh pemegang hak cipta novel ini. Merealisasikan amanah sebesar ini bukanlah sesuatu yang mudah dan enteng. Kami mengambil sepenuhnya tanggungjawab menggalas amanah ini sebaik-baiknya demi mengangkat martabat sastera tanah air tercinta ini.

Novel *Imam* telah memenangi dua hadiah utama dalam ranah kesusasteraan di Malaysia iaitu Hadiah Sastera Malaysia 1994/95 dan tempat pertama dalam Hadiah Novel Nasional 1992/94 mengenang Allahyarham Pak Sako.

Walaupun novel *Imam* tidaklah seakrab naskhah *Salina* kepada saya yang mula mengulitinya ketika saya remaja lagi. Novel *Imam* muncul dalam tahun 1995, selepas saya berkeluarga dan lebih matang. Membaca novel ini buat kali pertama semasa buku ini diterbitkan, telah melontar saya ke dalam kawah

kekaguman bagaimana seorang penulis tanah air mampu menangani naskhah yang cukup berpengaruh seperti ini.

Imam adalah satu naskhah yang relevan sampai bila-bila, membawa ironis yang kritis terhadap umat Islam masa kini yang saling bertelingkah, bukan sahaja di negara kita malah di kebanyakan pelosok dunia.

Suntikan nilai dan pesan-pesan keIslaman yang dibawa oleh *Imam* – mengangkat sisi tersembunyi akan peran serta tanggungjawab sebagai pemimpin dalam maknawi yang lebih luas. *Imam* membawa takrifan yang lebih identik dengan situasi semasa dalam kehidupan bermasyarakat dan beragama.

Kesalahfahaman hakikat ‘ritual’ dalam konteks menjalani kewajipan beragama semata-mata dipancarkan secara kritis dan ironis menerusi paparan konflik yang melatari perjalanan cerita. *Imam* membentuk citra pemikiran yang baharu – beradaptasi dengan zaman tanpa melunturkan pilar-pilar yang menjadi teras kepada umat Islam.

Oleh hal yang demikian, harapan menggunung kami pasakkan sewaktu diberikan keizinan untuk menerbitkan semula novel ini. Sebagai penerbit, kami menawarkan ruang dan peluang kepada generasi muda khususnya untuk menikmati karya-karya besar dan penting oleh Sasterawan Negara kita.

MOHAMED NASSER MOHAMED

Editor Perunding/Pengarah Projek

Nuha Creative Resources

6 Februari 2023 / 15 Rejab 1444H





1

Muqaddimah

BILAL HAJI KULUB turun dari rumahnya terbatuk-batuk kecil. Batuk-batuk itu kadang-kadang sebagai isyarat kepada isterinya yang berada di bilik mandi di hadapan tangga dapur bahawa dia akan pergi ke masjid. Udara pagi terasa sejuk mencucuk sampai ke tulang sumsum kerana petang kelmarin hujan hujung bulan Disember turun agak lebat dan hujan itu berulang lagi menjelang dinihari. Bilal Haji Kulub lalu menarik lapel kot yang dipakai di atas baju Melayu menutupi ke lehernya. Dia lalu membongkok masuk ke bawah rumah untuk mengambil basikalnya. Dibukanya rantai basikal yang diikatkan ke tiang rumah dan ditariknya basikal itu keluar.

Sebelum menaiki basikalnya dia mendongak sepiantas lalu ke langit sebelah timur. Bintang kejora berkelip-kelip lemah kelihatan semakin jauh di angkasa. Dia kemudian memandang ke rumah-rumah di sebelah kanan dan di sebelah kiri. Hampir semua penghuni rumah tetangganya itu telah pun bangun. Kedengaran pergerakan penghuninya. Ada batuk-batuk kecil, ada suara kanak-kanak merengek dan ada bunyi curahan air di perigi. Ayam dan itik sudah mulai bising di dalam reban. Kokok ayam jantan yang lebih dulu menyedari hari akan siang bersahut-sahutan dari rumah ke rumah. Dari pokok rambutan tua di hadapan rumahnya ada bunyi pergerakan dan decitan burung-burung dan desiran kepakan sayap terbang meninggalkan pokok.

Haji Kulub menolak basikalnya beberapa langkah ke hadapan lalu menunggangnya. Beberapa meter dari rumahnya itu dia melintasi rumah Haji Mihad. Rumah itu terang-



benderang, cahaya lampu melimpah keluar dari jendela yang terbuka. Beberapa meter ke hadapan lagi dia melintasi rumah Haji Qamar. Rumah itu diselimuti gelap-gelita dan sunyi. Di rumah itu tidak ada orang perempuan dan anak-anak yang menjadi penyerinya.

Bilal Haji Kulub mendayung basikalnya perlahan-lahan. Dia tidak terburu-buru kerana waktu subuh masih jauh dan dia tidak khuatir kerana Haji Qamar sudah lebih dahulu pergi ke masjid. Haji Qamar akan menolong membuka pintu, jendela dan mengatur sejadah.

Dia lewat di hadapan rumah Haji Syamsuri. Rumah besar itu pun sudah terang-benderang. Penghuninya telah bangun dan kedengaran suara orang bercakap agak riuh. Ada bunyi radio.

Haji Kulub sudah sampai ke kawasan masjid. Apabila mahu mendaki jalan yang melandai, dia turun dari basikalnya dan menolaknya perlahan-lahan. Apabila sampai di tanah yang agak rata di hadapan masjid itu, dia melihat jauh di belakang masjid terang-benderang bagai hari siang. Lampu gasolin dan jamung banyak sekali.

“Sudah semakin ramai orang,” katanya. Petang semalam jawatankuasa masjid telah memutuskan akan memasang pagar di sekeliling kawasan masjid itu untuk menghalang orang datang mendulang. Sejak tersiar berita ada emas di tanah berhampiran dengan masjid itu, maka setiap hari selama satu minggu ini makin bertambah orang yang datang mendulang dan menggali, bukan sahaja orang dari kariah itu tetapi juga orang dari tempat-tempat yang jauh telah mulai berdatangan.

Pada pagi Ahad minggu lalu ketika mereka sedang bersiap-siap untuk pulang sesudah mendengar kuliah subuh Haji Mihad, Haji Daud yang tinggal di pondok di pinggir tanah kuburan di sebelah tenggara masjid itu datang membawa sebuah bungkusan kertas dan menyerahkan kepada Haji Mihad.

Kedatangan Haji Daud, walaupun sejak Haji Mihad balik ke kampung itu dia selalu muncul, menggemparkan juga dan kegemparan itu menjadi lebih bertambah apabila benda yang dibawa di dalam bungkusan kertas itu ialah ketulan-ketulan emas. Menurut Haji Daud benda itu diperolehnya ketika menggali sebuah perigi baru. Perigi lamanya sudah dicemari bangkai anak

kambing yang tidak dapat dikeluarkan. Tanah dari perigi baru itu digunakan untuk menimbusi perigi lama.

Haji Mihad lalu mencuci ketulan-ketulan kecil itu sekali lagi dengan air sabun dan memang benar ia emas, berkilau-kilauan cahayanya. Jemaah masjid yang ada pada waktu itu menjadi gempar dan kerana kebetulan hampir semua jawatankuasa masjid dan jawatankuasa kampung ada di situ, lalu diadakan satu mesyuarat tergepar.

Haji Kulub masih dapat mendengar ucapan Haji Qamar yang duduk di sebelahnya. “Benda ini akan membawa mala-petaka kepada kampung ini.” Pada waktu itu dia tidak dapat menangkap maksud ucapan Haji Qamar itu.

Mesyuarat kemudian sebulat suara memutuskan, supaya penemuan ketul-ketul emas itu tidak diheboh-hebohkan untuk menjaga jangan sampai menimbulkan kegemparan dan orang kampung datang menggali emas di sekitar kawasan masjid itu. Penghulu Haji Ismail terus teringat akan khabar-khabar yang pernah didengar daripada orang tua-tua dulu bahawa di sekitar kawasan masjid itu ada mengandungi emas.

Jawatankuasa masjid kemudian membuat keputusan akan membina pagar yang kukuh dengan kawat berduri di sekitar kawasan masjid menggantikan pagar kawat biasa yang sudah pun uzur. Mereka akan memberitahu Haji Syamsuri, Pengerusi Trusti Wakaf Haji Salih.

Tetapi pada petang itu juga beberapa orang penduduk kampung itu dan kampung yang berhampiran telah datang membawa cangkul dan dulang dan mulai menggali tanah tanah di sekitar kawasan sebelah tenggara berhampiran dengan pondok Haji Daud. Hampir menjelang malam, jumlah mereka menjadi semakin ramai. Mula-mula hanya orang Melayu tetapi kemudian diikuti oleh orang Cina dan India. Mereka membawa lampu gasolin dan membuat api unggun dan mendirikan khemah serta warung jualan makanan. Kerja-kerja menggali dan mendulang menjadi semakin rancak dan ghairah apabila beberapa orang antara mereka telah mulai menemui ketul-ketul emas walaupun lebih kecil daripada yang dibawa oleh Haji Daud.

Pagi Isnin jumlah orang makin bertambah, sudah ada ejen yang mendirikan pos-pos untuk membeli ketul-ketul emas

yang diperoleh pendulang-pendulang itu. Di sekitar tempat itu sekarang telah menjadi semacam pasar kecil. Menjelang tengah hari, tanah di situ telah berubah menjadi alur dan parit yang bengkang-bengkok seperti sarang semut. Lubang-lubang semakin dalam dan berisi air. Walaupun pada petang itu hujan turun dengan lebat dan alur-alur yang sudah digali itu dipenuhi air namun orang-orang itu terus juga bekerja menimba dan mendulang. Ada yang sudah tidak pulang ke rumah.

Jawatankuasa masjid cuba mendatangi orang-orang itu dan meminta mereka meninggalkan tempat tersebut. Tetapi tidak ada yang menghiraukannya, sebaliknya mereka menjadi kalaf dan mulai menunjukkan sikap menentang. Jawatankuasa masjid dan kampung lalu membuat laporan ke balai polis dan meminta jasa baik pihak polis untuk mengawal dan mencegah orang-orang itu daripada menggali dan mendulang di situ. Hari Selasa jumlah orang yang datang dan mendulang menjadi semakin bertambah dan sudah ada orang dari tempat-tempat yang jauh datang ikut serta di samping yang datang hanya untuk melihat temasya. Polis tidak dapat mengawal keadaan. Semangat dan emosi orang yang menggali dan mendulang itu sudah menunjukkan tanda-tanda tidak terkawal. Pihak polis lalu menasihati jawatankuasa masjid memasang pagar yang kukuh. Jawatankuasa masjid lalu meminta biaya daripada trusti tanah wakaf untuk membina pagar itu tetapi mereka gagal menemui Haji Syamsuri. Petang Rabu baru Haji Syamsuri dapat mengadakan mesyuarat dan pada hari Khamis baru dapat dicari kontraktor yang sanggup membina pagar tersebut.

Bilal Haji Kulub hairan melihat pintu dan tingkap masjid belum lagi dibuka. Dia lalu bergegas menyorong basikalnya ke belakang masjid dan meletakkan di bawah bangsal khas. Basikal Haji Qamar telah ada di situ. Bilal Haji Kulub sudah berwuduk sejak di rumah, dia segera menuju ke pintu masjid dan membukanya luas-luas, dia membuka lampu sambil membuka tingkap dan masih berasa hairan melihat Haji Qamar yang sudah sampai lebih awal tidak ada di situ.

“Assalamualaikum!”

Bilal Haji Kulub menjawab salam dan berpaling arah ke pintu masjid. Haji Qamar berdiri tersengih di muka pintu sambil

melangkah masuk.

“Dari mana bang haji?”

“Pergi tengok orang mendulang. Semakin ramai dan saya fikir kita tak sempat buat pagar lagi,” jawab Haji Qamar.

“Kenapa?” Haji Kulub memandang muka Haji Qamar dengan tanda tanya.

“Cuba bilal pergi tengok sendiri. Orang sudah macam ulat. Sudah hampir sampai ke dalam kawasan masjid. Kalau begitu keadaannya beberapa hari lagi masjid ini pun akan runtuh.”

“Nauzubil-Lah!” Hanya itu saja keluhan yang keluar dari mulut Bilal Haji Kulub. Perasaannya tiba-tiba menjadi gundah. Baru dia teringat akan malapetaka yang dikatakan Haji Qamar beberapa hari yang lalu.

Mohidin sampai. Parman sampai. Debok sampai. Abu Had sampai. Kemudian diikuti oleh orang lain. Mereka tidak masuk terus ke dalam masjid seperti biasa tetapi berdiri berkumpul di luar bercakap-cakap dengan suara riuh. Tidak ada yang teringat mahu mengerjakan tahiyat masjid. Haji Qamar dan Bilal Haji Kulub terus bekerja mengatur sejadah. Orang-orang itu terus berdiri di luar memandang ke tempat lampu dan jamung yang berkelip-kelipan. Bunyi ngauman percakapan di situ terdengar jelas dan kadang-kadang ada pekikan dan sorakan yang menggegarkan suasana pagi. Mungkin ada yang menemui ketul-ketul emas lagi.

Bilal Haji Kulub memandang jam tangannya. Kemudian pandangannya itu dialihkan kepada jam yang tergantung di tiang sebelah kanan mihrab. Hanya beberapa minit saja lagi akan masuk waktu subuh tetapi Haji Mihad belum juga kelihatan. Bilal Haji Kulub memandang ke arah Haji Qamar yang duduk berwirid selang satu saf di belakang sebelah kanannya.

“Imam belum lagi nampak,” katanya tetapi ucapannya itu lebih ditujukan kepada dirinya sendiri.

Haji Qamar berpaling kepada Bilal Haji Kulub dan kemudian mendongak melihat jam di tiang dekat mihrab. Dia lalu membanding dengan jam di tangannya dan kemudian berpaling ke belakang melihat kepada orang yang berkumpul berdiri di luar. Jemaah pada pagi itu jauh berkurang daripada biasa. Sebelumnya, beberapa minit menjelang subuh sudah

banyak yang masuk ke dalam masjid.

Bilal Haji Kulub bangun dari duduknya dan berjalan menuju arah ke pintu masjid. Semenjak Haji Mihad menjadi imam dia tidak lagi memukul beduk. Berhampiran dengan pintu dia berhenti dan kembali menghadap kiblat. Setelah membetulkan tegaknya, dia memasukkan jari-jari telunjuknya ke dalam lubang telinga dan melaungkan azan dengan sekuat suaranya. Dia mahu suaranya itu didengar oleh orang yang sedang menggali dan mendulang emas itu.

Selesai azan dia berpaling ke kanan dan ke kiri, ke belakang dan kemudian berjalan ke jendela meninjau keluar, arah ke jalan raya. Haji Mihad tidak kelihatan. Hatinya mulai risau. Sebelum beredar dari situ dia mendengar bunyi motokar masuk ke pekarangan masjid. Tetapi yang turun hanyalah penghulu mukim dengan anak lelakinya.

Haji Qamar sudah berdiri dan menghampiri Haji Kulub di tepi jendela.

“Siapa yang datang?”

“Penghulu. Imam masih juga belum nampak.”

“Waktu bilal datang tadi dia sudah bangun!” tanya Haji Qamar.

“Macam biasa. Rumahnya terang-benderang. Keretanya masih ada, tapi basikalnya saya tak nampak.”

“Kita tunggulah sebentar lagi. Mungkin dia ada hal.” Penghulu tidak terus masuk ke dalam masjid tetapi berjalan beberapa meter menuju ke belakang masjid arah ke tempat orang yang sedang menggali dan mendulang emas. Orang-orang yang berdiri di luar masjid itu pun ikut serta mengiringinya. Tetapi mereka tidak sampai ke tempat orang-orang itu bekerja. Mereka hanya berdiri jauh di tebing sambil memandang ke bawah.

“Nampaknya semakin banyak, tuk,” kata Mohidin.

Penghulu tidak menjawab. Mohidin tidak melihat kerut yang mendalam pada wajahnya. Penghulu berpaling kepada Mohidin dan bertanya, “Imam sudah datang?”

“Saya ingat belum, tuk,” jawab seorang yang lain.

“Belum?” Penghulu Haji Ismail memandang lama ke muka orang yang menjawab itu. Ada sesuatu yang bermain dalam kepalanya. Orang-orang yang sedang keghairahan serupa itu

biasanya tidak pernah berfikir panjang.

Penghulu Haji Ismail berjalan kembali ke masjid diikuti oleh jemaah yang mengiringinya. Di pintu masjid Bilal Haji Kulub dan Debok dan Haji Qamar berdiri menunggunya.

“Imam belum juga sampai,” kata Bilal Haji Kulub. Perasaan khuatir terbayang di wajahnya.

“Abang biasanya tak pernah lambat,” kata Debok. Nada suaranya bergetar gundah.

“Waktu subuh sudah masuk,” sampuk Haji Qamar. “Kita solat saja dulu. Bilal saja yang jadi imam.”

Bilal Haji Kulub mengimami solat subuh itu.

Sebaik-baik saja Bilal Haji Kulub memberi salam pertama, terdengar suara laungan dari luar masjid, agak kuat.

“Tuk! Tuk!” Suara laungan itu seperti dalam kecemasan.

Semua jemaah yang hanya tiga suku saf saja itu berpaling serentak ke belakang memandangi ke arah suara orang yang melaung. Penghulu Haji Ismail bangun diikuti oleh beberapa orang jemaah. Haji Qamar ikut bangun. Debok ikut bangun. Di muka pintu ke serambi masjid, seorang lelaki berdiri bertopang pada jenang pintu dalam keadaan termengah-mengah seperti baru lepas berlari. Mukanya pucat seperti ketakutan.

“Ada apa, Kub?”

“Imam, tuk! Imam Haji Mihad!”



Imam

HAJI MIHAD keluar dari bilik kerja masjid di sebelah kanan mihrab. Melangkah menuju ke tangga mimbar. Kain pelekat buatan Madras dan baju kurung putihnya bergerak-gerak ditiup angin kipas dari sudut kiri mihrab. Serbannya yang berwarna putih dilipat berbentuk segi tiga menutupi sebahagian songkok hitamnya. Kedua-dua hujung serbannya yang ditolak ke sebelah kanan bahu bergetar sekali-sekali apabila kena angin kipas di atas kepala. Haji Mihad naik ke atas mimbar. Mimbar itu dibina dalam bentuk empat persegi, ada tiga anak tangga, berkubah kecil dan ada bulan sabit yang diletak miring berwarna kuning di puncaknya. Haji Mihad memijak anak tangga, satu demi satu. Ketika sudah sampai di atas dia berpusing dari sebelah kanan lalu menghadapi makmum.

“Assalamualaikum warahmatul-Lahi wabarakatuh!”

Makmum menjawab serentak dengan suara yang tinggi rendah. “Walaikumussalam!”

Haji Mihad lalu duduk pada sebuah kerusi rotan beranyam mata punai berbingkai kayu berwarna hitam, berlengan dan sandarannya tinggi berbentuk kubah. Duduk dengan meluruskan belakangnya tetapi tidak menyentuh sandaran.

Gema jawapan salamnya seperti masih mengaum membengkak mengisi semua ruangan masjid. Kedengarannya di bahagian akhir seperti bunyi lebah kena ganggu, semakin menipis dan hilang. Haji Mihad memandang ke bawah ke barisan pertama di hadapan. Matanya dengan tidak sengaja tertumpu kepada Haji Syamsuri yang duduk tepat di tengah-tengah saf

pertama itu. Mata mereka secara tidak sengaja bertembung seketika. Haji Syamsuri segera menundukkan mukanya, mulutnya berkumat-kamit. Perasaan Haji Mihad berkocak sedikit. Sudah agak lama Haji Syamsuri tidak datang bersolat Jumaat di masjid itu. Dia mengalihkan matanya kepada Abu Had yang duduk di sebelah kanan Haji Syamsuri. Orang tua itu seperti selonggok daging dan makin pendek apabila duduk terbenam serupa itu. Mata Haji Mihad dan mata Abu Had bertembung seketika. Abu Had segera tunduk memandang lantai. Di sebelah kirinya duduk seorang muda berpakaian Melayu. Syahidan di sebelah kanannya memejamkan mata seperti orang tidur. Haji Mihad lalu mengangkat mukanya memandang jauh di hadapan ke arah pintu besar masjid. Bilal Haji Kulub berdiri berhampiran dengan daun pintu sebelah kanan yang terkuak ke sebelah dalam. Memakai baju kamsis putih yang agak kebesaran dan labuh. Melihat Haji Mihad memandang ke arahnya, dia mengangkat lengan kirinya memandang jam tangan sepintas lalu, kemudian meletakkan kedua-dua telapak tangannya ke pipi dan memasukkan jari telunjuk ke dalam lubang telinga.

“Allahuakbar! Allahuakbar!”

Allah Yang Maha Besar! Allah Yang Maha Besar!

Haji Mihad ikut mengulangnya. Matanya diturunkan memandang kepada orang yang duduk di sebelah kanan Syahidan. Seperti dikenalnya tetapi entah di mana.

“Allahuakbar! Allahuakbar!”

Allah Yang Maha Besar! Allah Yang Maha Besar! Haji Mihad mengulangi ucapan muazin itu.

Sebahagian besar jemaah di dalam masjid itu tidak dikenalnya. Penduduk asal kampung di sekitar masjid itu hampir semuanya dia kenal, antaranya ada pertalian darah, iaitu daripada kaum keluarga Haji Salih. Kini mereka yang biasa jadi jemaah terbesar hampir tenggelam oleh orang luar.

“Asyhaduan lailaha illal-Lah!”

“Aku naik saksi tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah.” Haji Mihad mengulangi syahadat yang pertama itu dalam bahasa Arab. Sekarang jemaah masjid itu semakin banyak daripada dulu. Muka-muka baru itu kebanyakannya anak-anak muda. Ruangan dalam sudah penuh.



IMAM

"Pendekatan pengarang bukan sahaja mementingkan jalan cerita tetapi setiap episod yang dikemukakan adalah berdwi-fungsi ..."

"Gayanya pula menggunakan kombinasi antara yang konvensional dengan cara baharu yang tidak biasa dilakukan pengarang-pengarang sebelum ini..."

"... walaupun melakukan perubahan itu penuh liku dan cabaran, perubahan itu sendiri tidak dapat ditahan-tahan seperti kata Haji Mihad, ia laksana cahaya yang terkurung yang akan mencari jalan merembas keluar melalui rongga atau retak biar seseni apa sekalipun."

"...novel ini lebih daripada sekadar menghiburkan."

Laporan Panel Hakim

Hadiah Novel Nasional 1992/1994



ISBN 978-967-2456-55-1



Malaysia
Singapura
Brunei

RM60.00
SGD40.00
\$B40.00

FEDERATION
MEMBERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEHIMPUNAN
PESANAN